

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2015

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pungutan GST di Sarawak semenjak ia dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan GST sejak ia dilaksanakan akan diumumkan semasa pembentangan Bajet 2016. Jumlah kutipan GST tidak dikelaskan mengikut negeri kerana kutipan GST di

sesebuah negeri tidak semestinya berkaitan secara langsung dengan aktiviti perniagaan di negeri berkenaan. Sebagai contoh, kutipan GST yang dibuat oleh ibu pejabat syarikat yang bertempat di negeri Johor boleh merangkumi transaksi yang dilakukan oleh cawangannya yang bertempat di lain-lain negeri.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]
[DAP]**

TARIKH : 20 OKT 2015, SELASA

SOALAN : 39

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah yang dibayar oleh MARA Inc untuk membeli saham di Trushcross Land Holding Ltd yang diperbadankan dalam BVI di Australia. Sila nyatakan peguam, akauntan dan penilai yang dilantik oleh pihak MARA dan MARA Inc di Australia dan Malaysia untuk mengendalikan pembelian syarikat Trushcross Land Holding.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Thrushcross Land Holding Limited ("Trushcross") adalah sebuah syarikat British Virgin Island (BVI) yang diperbadankan pada April 2010. MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.), telah membayar sebanyak AUD64.4 juta untuk membeli keseluruhan saham milik Trushcross pada tahun 2012. Pembelian saham ini dibuat bagi mendapatkan pemilikan ke atas Dudley International House dan 746, Swanston Street.

MARA Inc. telah melantik panel peguam Tetuan Abdul Malik & Lawrence Tan serta firma perakaunan Deloitte Touche Financial Advisory Services Pte Ltd dalam membantu proses dokumentasi dan perakaunan. Manakala, Raine & Horne International Zaki & Partners Sdn. Bhd. sebagai syarikat penilai bagi pemilikan ini.

Pemilikan hartanah di atas dilaksanakan dengan mematuhi peraturan perolehan kerajaan yang berkuat kuasa yang mana kelulusan telah diperolehi di peringkat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat, Panel Pelaburan MARA, Majlis MARA, Kementerian Kemajuan Luar

Bandar dan Wilayah (KKLW) serta kelulusan
Kementerian Keuangan (MOF).